



MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

“BUAT KERJA”

Telefon : 03-88803500

Faks : 03-88804081

03-88883093

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj Tuan :

Ruj Kami : () dlm.MR/U/03/1

Tarikh : Mei 2010

Tetuan Azzat & Izzat
Peguambela dan Peguamcara
No. 32, Jalan PJU 7/16
Mutiara Damansara
47800 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan



Tuan,

**MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA RAYUAN JENAYAH NO. B-09-62-2007
(MAHKAMAH TINGGI SHAH ALAM RAYUAN JENAYAH NO. 42-57 & 58 – 2007)
ABD RAHIM BIN ABD RAHAMAN ... PERAYU
PENDAKWA RAYA ... RESPONDEN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat tuan kepada Setiausaha Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan bertarikh 4 Mac 2010 adalah juga berkaitan.

2. Sepertimana yang tuan sedia maklum di dalam kes ini Orang Kena Tuduh (Abd. Rahim bin Abd. Rahman) telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam atas beberapa kesalahan di bawah seksyen 377B Kanun Keseksaan. Beliau telah merayu ke Mahkamah Tinggi atas sabitan dan hukuman yang dijatuhkan. Mahkamah Tinggi telah menolak rayuan OKT yang kemudiannya merayu ke Mahkamah Rayuan.

3. Pada 18 Januari 2010, Mahkamah Rayuan menolak rayuan OKT dan mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi dan Hakim Mahkamah Sesyen.

4. Tuan juga sedia maklum bahawa, bagi kes rayuan yang berasal dari Mahkamah Sesyen, Mahkamah Rayuan adalah merupakan mahkamah terakhir dan keputusan Mahkamah Rayuan tidak boleh dirayu ke Mahkamah Persekutuan.

“BUAT KERJA”


(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

5. Justeru itu adalah saya telah diarahkan untuk memaklumkan bahawa tiada alasan penghakiman yang akan disediakan kerana keperluan penulisan alasan penghakiman tidak timbul.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(AZIMAH BINTI OMAR)
Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA